

Sesi 4: Kesedaran Hak OKU



Persatuan Advokasi Diri

Orang Bermasalah Pembelajaran
Selangor & Kuala Lumpur

Perbincangan *(10mins)*

**Bincangkan kepentingan Akta OKU
menjamin hak OKU dan
senaraikan sebab-sebab OKU
bermasalah pembelajaran harus
memahami hak diri?**

**Cara-cara mengajar
OKU bermasalah pembelajaran
tentang hak diri**

- Petugas PDK harus faham tentang hak OKU.
- Hak OKU dijamin oleh Akta OKU 2008.



PDK Seri Chepa dan Permata Hati

- Kita harus menghormati OKU sebagai insan saksama.



- Hak OKU harus dipraktikan di PDK supaya pelatih boleh belajar secara praktikal dan melalui pengalaman.



Pelatih PDK
diberi hak
mengundi

- Kesedaran hak boleh diajar secara praktikal.



Patugas bertanya pendapat pelatih di PDK Tanah Merah semasa mesyuarat Kumpulan Delima.

Pengalaman Komuniti Inklusif – terlibat dalam perancangan untuk PDK Kg Chepa Kelantan



Hak Asasi OKU

- Hak asas yang perlu diketahui untuk menikmati peruntukan keperluan dari segi:
 - Pendidikan
 - Aksesibiliti
 - Pekerjaan
 - Komuniti Inklusif
 - Melindungi diri daripada dibuli atau penderaan


Hak untuk akses bangunan 26(1)

- OKU harus mempunyai akses kepada bangunan.
- Contohnya, kegunaan ram untuk OKU fizikal.



Hak untuk menggunakan kemudahan awam 27(1)

- OKU mempunyai hak untuk menaiki kemudahan awam seperti bas dan LRT.
- Pelatih boleh dilatih menaiki pengangkutan awam.



Hak mendapat Pendidikan 28(1)

- OKU mempunyai hak untuk pergi ke sekolah dan pusat pendidikan.
- Pelatih PDK boleh diajar latihan vokasional untuk persediaan ke alam pekerjaan.



Kemahiran
Vokasional- Bakeri

- Akta OKU 28(3) menjamin bahawa OKU mempunyai hak mendapat kemudahan dan bahan pengajaran supaya boleh belajar.



Hak untuk bekerja 29(1)

- Pelatih PDK mempunyai hak untuk bekerja.
- OKU mempunyai hak mendapat gaji yang sama dengan orang lain untuk kerja yang sama.
- Contohnya bekerja di pasaraya, restoran dan lain-lain.



Aslam bekerja di pasaraya GIANT

Job coach berunding dengan majikan tanpa diskriminasi dan membantu OKU semasa temuduga supaya hak OKU dijaga.



Kerja di restaurant A & W



Projek Pekerjaan United Voice



OKU Masalah Pembelajaran tahap serius juga mempunyai hak bekerja

- Bekerja di Bakeri United Voice.



Peluang pekerjaan

- OKU harus digalakkan untuk bekerja selepas tamat latihan di PDK.



Hadi dari PDK Seri Chepa, Kelantan, bekerja di bengkel cuci kereta



Kerja di kedai
kopi

Bekerja di kedai makan



Kerja di kedai runcit



■ OKU digalakkan menjalankan perniagaan 29(5)



Menjual makanan
di gerai

Hak menggunakan komputer 30(1)

- OKU mempunyai hak untuk melayari laman web dan menggunakan komputer.
- Pelatih di PDK boleh diajar menggunakan komputer.



Hak untuk menikmati budaya 31 (1)

- OKU mempunyai hak menikmati TV, pertunjukan pentas, pawagam, muzium, perpustakaan dan pergi melancong.



Jamuan Malam dan Tarian untuk OKU

- Pelatih dan petugas PDK dari Pahang menghadiri Jamuan malam dan Tarian



Tarian Kebudayaan Seri Chepa PDK Kg Chepa Kelantan



Hak OKU untuk mengembangkan potensi 31(3)



Melukis gambar



Lukisan Spiderman Aidil

Hak mempunyai Hobi dan Sukan 32 (1)

- OKU mempunyai hak bersukan.
- Contohnya dalam Special Olympics.



Bermain Carrom

- Pelatih boleh digalak melibatkan diri dalam sukan dan hobi.



Bowling

Hak untuk Pemulihan OKU 33(1)

- OKU mempunyai hak untuk mendapat perkhidmatan pemulihan supaya berdikari dan mempunyai keupayaan fizikal, mental, sosial dan vokasional.



Contoh: Pemulihan kerja di bengkel terlindung

Hak mendapat perkhidmatan kesihatan 35(1)

- OKU mempunyai hak berjumpa dengan doktor apabila sakit.



Hak mendapat Perlindungan sepanjang hayat dan sistem sokongan sosial 38(1)

- OKU berhak mendapat perkhidmatan jagaan.



Hak untuk mendapat bantuan semasa kecemasan 40 (1)

- OKU berhak mendapat pertolongan kecemasan.



Resolusi

Persidangan Advokasi Diri Ke-3

120 peserta dari 7 negeri menghadiri
Konferensi Advokasi-Diri Kebangsaan Ke-3
Feb 2009, Pulau Pinang



Kami mencadangkan satu resolusi
supaya hak-hak orang bermasalah
pembelajaran tidak dipinggirkan




Resolusi


1) Memberi kami hak-hak yang sama dengan orang lain dengan mengesahkan Konvensi Hak-hak Orang Kurang Upaya oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



2) Membenarkan kami belajar di sekolah bersama rakan-rakan sejian kami



3) Menyediakan perkhidmatan sebaiknya untuk bayi yang lambat perkembangannya sejak lahir.



4) Memahami dan menyokong advokasi diri.



Kursus OKU Berdikari: Advokasi Diri dan Pekerjaan

5) Menyediakan latihan kepemimpinan untuk kami.




6) Berbincang dengan kami dan ahli keluarga kami semasa membuat keputusan tentang kami.



Ahli UV dan keluarga bermesyuarat untuk berbincang tentang projek pekerjaan untuk ahli



8) Melatih kakitangan pembekal khidmat untuk meyokong kami dengan lebih baik.



Seminar Advokasi Diri di JPK

9) Mendapatkan tempat kerja yang sesuai untuk kami dalam komuniti.



Aslam kerja di Giant

10) Menyediakan asuransi perubatan dan
asuransi nyawa untuk kami.



11) Menyediakan pengangkutan dan kemudahan awam yang dapat kami guna.



Nazmi menaiki bas awam untuk OKU

12) Memastikan bahawa perkhidmatan awam, pengumuman dan informasi umum menggunakan bahasa yang mudah difahami.



Zon keutamaan untuk OKU di dalam bas

13) Memberi kami peluang yang sama dengan orang lain untuk menikmati hidup dalam komuniti.



Berkeluarga

Sila rujuk Laman web
www.jkm.gov.my
untuk Akta OKU

Sekian Terima Kasih